

SOALAN NO: 39

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**  
**TARIKH : ISNIN, 26 MAC 2018**  
**RUJUKAN : L13 [PR-1361-L04960]**  
**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah bayaran kepada AECOM untuk perkhidmatan perundingan mereka dan kepada EKOVEST untuk projek pengindahan, landskap dan pembinaan untuk projek River of Life (ROL).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Serdang, Projek Pengindahan Sungai *River of Life* (RoL) terbahagi kepada 2 fasa yang melibatkan 10.7 kilometer di sepanjang Sungai Gombak dan Sungai Klang. Tetuan AECOM Perunding Sdn. Bhd. (AECOM) telah dilantik sebagai perunding bagi keseluruhan fasa tersebut. AECOM dipertanggungjawabkan untuk merekabentuk keseluruhan projek pengindahan sungai dan memantau (*supervision*) sehingga tamat pelaksanaan projek tersebut dengan kos Yuran Perkhidmatan tidak melebihi siling yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Bagi tujuan tersebut, AECOM telah dibayar RM101.62 juta bagi tempoh perkhidmatan bermula Disember 2011 sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Ekoriver Construction Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor bagi 3 daripada 5 pakej Projek Pengindahan Sungai dengan kos projek bagi 3 pakej tersebut berjumlah RM488.56 juta. Sehingga Februari 2018, Ekoriver Construction Sdn. Bhd. telah menerima bayaran berjumlah RM132.32 juta berdasarkan prestasi fizikal di tapak.